



## JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

### KENYATAAN MEDIA SEGERA SARAWAK HARI INI MEREKODKAN TIGA (3) LAGI KES BAHARU POSITIF COVID-19

#### 1. LAPORAN HARIAN

Sarawak hari ini merekodkan **tiga (3)** kes positif COVID-19 baharu menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak **488 kes**. Daripada 3 kes tersebut, **1 kes** adalah dari Daerah Kuching, **1 kes** dari Daerah Samarahan dan **1 kes** dari Daerah Bintulu.

Manakala **17 kes** telah sembuh dan discaj dari hospital menjadikan jumlah keseluruhan kes sembuh adalah **194**. Daripada 17 kes tersebut, **16 kes** adalah dari Hospital Umum Sarawak dan **1 kes** dari Hospital Miri.

Bilangan PUI hari ini meningkat sebanyak **183 kes** berbanding **177 kes** semalam dan jumlah PUI yang masih menunggu keputusan makmal adalah sebanyak **332 kes**.

Terdapat dua (2) penambahan kes melibatkan Petugas Kesihatan Kuching menjadikan seramai **52 orang** Petugas Kesihatan Kuching telah disahkan positif COVID-19 dengan seramai **21 orang** daripadanya merupakan

sebahagian daripada Kluster Kuching *Conference*. Manakala baki **31 orang** adalah mereka yang melibatkan kluster-kluster kecil.

### **1.1 Status COVID-19 di Sarawak**

Kes Terdahulu	<b>485</b>	Kes sedang dirawat di hospital	<b>271</b>	<b>55.53%</b>
Kes Baharu	<b>3</b>	Kes di <i>Intensive Care Unit</i> (ICU)	<b>7</b>	<b>1.43 %</b>
<b>KES POSITIF KESELURUHAN</b>		Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (intubated)	<b>4</b>	<b>0.82 %</b>
Jumlah	<b>488</b>	Jumlah Kes Kematian	<b>16</b>	<b>3.28%</b>
IR per 100, 000 penduduk	<b>15.32</b>	Kes telah sembuh dan discaj	<b>194</b>	<b>39.75%</b>
<b>Keputusan Makmal</b>	<b>Baru</b>	<b>Kumulatif</b>	<i>Person Under Investigation</i> (PUI)	Baru
Negatif	<b>37</b>	<b>3,939</b>		<b>183</b>
Pending	<b>175</b>	<b>332</b>		<b>4,759</b>

### **1.2 Ringkasan Kes Positif dan Aktif Mengikut Daerah di Sarawak**

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BARU</b>	<b>KUMULATIF</b>	<b>AKTIF KES</b>
1	Kuching	1	300	164
2	Samarahan	1	87	66
	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>387</b>	<b>230</b>

<b>DAERAH</b>	<b>BARU</b>	<b>KUMULATIF</b>	<b>AKTIF KES</b>
Miri (23) / Bau (2) / Asajaya (3) / Simunjan (7) / Serian (13) / Tebedu (1) / Betong (16) / Sri Aman (2) / <b>Bintulu (1)(12)</b>	1	79	44
<b>9</b>	<b>1</b>	<b>79</b>	<b>44</b>

<b>DAERAH</b>	<b>BARU</b>	<b>KUMULATIF</b>	<b>AKTIF KES</b>
Lawas / Mukah / Matu / Sarikei / Sibu / Limbang / Lundu / Saratok / Pusa / Kabong / Lubok Antu / Meradong / Julau / Pakan / Kanowit / Selangau / Tatau / Sebauh / Dalat / Daro / Tanjung Manis / Kapit / Belaga / Song / Bukit Mabong / Marudi / Subis / Beluru / Telang Usang	0	22	4
<b>29</b>	<b>0</b>	<b>22</b>	<b>4</b>

### **1.3 Pengoperasian Pusat Kuarantin**

Bilangan Pusat Kuarantin	Kapasiti (Katil)	Kemasukan Baru	Bilangan Pengguni Semasa	Bilangan Daftar Keluar	Kumulatif Kemasukkan	% Kapasiti digunakan
<b>42</b>	<b>3,335</b>	<b>130</b>	<b>1,649</b>	<b>2,299</b>	<b>3,948</b>	<b>49.45</b>

### **1.4 Jumlah Kluster yang Telah dikenalpasti.**

<b>BIL</b>	<b>KLUSTER</b>	<b>KUMULATIF KES</b>
1	Kuching Conference	166
2	Seri Petaling	109
3	PUI Itali	62
4	Kluster-kluster Kecil	102
5	Sporadik Kes	31
7	Masih dalam siasatan dan kes baru	18
<b>Jumlah</b>		<b>488</b>

## **2. PEMANTAUAN TEMPOH PKP**

- a) Pada hari ini, pematuhan Perintah Kawalan Pergerakkan adalah sebanyak **97%**. Semalam pihak Polis telah menangkap **63 orang** kerana melanggar PKP.
  
- b) Sehingga hari ini, sejak tempoh PKP bermula 18 Mac, sebanyak **1,767 orang** telah ditangkap.

## **3. PENEMPATAN SEMUA RAKYAT SARAWAK (DARI LUAR NEGARA / SEMENANJUNG / SABAH DAN LABUAN) DI HOTEL**

Pada hari ini seramai **82 orang** lagi (*Person Under Surveillance*) baru telah mendaftar masuk di hotel menjadikan jumlah keseluruhan adalah **1,160 orang** telah dikuarantin di **20 buah hotel** di seluruh negeri Sarawak diguna sebagai Pusat Kuarantin. Manakala **seramai 1,128** telah lengkap menjalani tempoh kuarantin dan telah dibenarkan pulang ke rumah.

## **4. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Sarawak has currently 29 green districts (out of a total of 40 districts). These have been achieved with the strict enforcement of the MCO 1 to 3 and of course, the full co-operation of Sarawakian themselves. A district is considered green when no positive case has been detected within 14 days.

Sarawak has to give its most precise attention to protecting these green zones. That is why it needs to come up with its own encompassing SOP to prevent any further and possible transmission. Such need is all the more important and pertinent when it has to receive a large number of its students

and citizen coming back from those overseas, Peninsular Malaysia and Sabah and Labuan.

Sehingga hari ini, terdapat 12 kes telah dikesan positif COVID-19 yang direkodkan rakyat Sarawak yang pulang dari luar negara / Semenanjung / Sabah dan Labuan yang ditempatkan di hotel. Daripada 12 kes tersebut, 9 kes adalah dari Kuching iaitu (8 pelajar Sarawak dari Temboro, Indonesia dan seorang dari USA), 2 kes dari Miri (seorang dari Singapura dan seorang dari Kuala Lumpur) dan 1 kes di Sri Aman yang baru pulang dari Badau, Indonesia.

Berikut adalah garis panduan kepada semua rakyat Sarawak yang ingin pulang ke Sarawak mengikut kategori yang telah ditetapkan seperti berikut:

- a) Rakyat Sarawak yang balik dari luar negara, Semenanjung, Sabah dan Labuan yang belum menjalani kuarantin (termasuk pelajar) akan di kuarantin dan akan di ambil sampel pada hari ke-10. Mereka akan dibenarkan pulang pada hari ke-14 sekiranya keputusan sampel adalah negatif.
- b) Rakyat Sarawak yang balik dari luar negara, Semenanjung, Sabah dan Labuan (termasuk pelajar) yang sudah menjalani tempoh kuarantin sebelum tiba ke Sarawak dimana destinasi terakhir adalah kawasan zon hijau, mereka akan dikuarantin semula apabila tiba di Sarawak dan akan di ambil sampel pada hari ke-10. Mereka akan dibenarkan pulang pada hari ke-14 sekiranya keputusan sampel adalah negatif.

- c) Rakyat Sarawak yang balik dari luar negara, Semenanjung, Sabah dan Labuan yang sudah menjalani tempoh kuarantin sebelum tiba ke Sarawak dimana destinasi terakhir mereka adalah kawasan zon merah dan kuning, mereka akan dipasangkan “*wristband tag*” dan dikeluarkan Notis Kuarantin di Rumah (*Stay Home Notice*). Mereka akan di ambil sampel pada hari ke-7. Sekiranya keputusan sampel adalah Negatif, mereka akan terus kekal berada di rumah sehingga tamat tempoh 14 hari.
- d) Bagi ketiga-tiga kategori di atas, pusat kuarantin adalah di **Kuching** (bagi mereka dari Kuching, Samarahan, Serian, Sri Aman dan Betong), **Sibu** (bagi mereka dari Sibu, Sarakei dan Kapit), **Bintulu** (bagi mereka dari Bintulu, Mukah, Sungai Asap dan Belaga) dan **Miri** (bagi mereka dari Miri dan Limbang)

## **5. PENGGUNAAN TOPENG MUKA PERCUMA**

- a) Dalam usaha untuk membendung penyebaran COVID-19, Kerajaan Negeri Sarawak telah mengedarkan Topeng Muka percuma kepada setiap rumah di seluruh Sarawak.
- b) Sebanyak 2.6 juta Topeng Muka telah diedarkan kepada 572,141 Ketua Isi Rumah (KIR) dengan 6 keping Topeng Muka diberikan penduduk di kawasan Zon Merah dan 4 keping Topeng Muka diberikan kepada penduduk di kawasan Zon Kuning dan Hijau.
- c) Gunakan topeng muka untuk perkara penting sahaja seperti pergi ke tempat awam yang sesak atau lebih berisiko seperti pasaraya, bank dan

hospital, dimana ianya mungkin susah untuk mengekalkan penjarakkan sosial.

- d) Kepada yang mempunyai gejala batuk, sesak nafas, demam dan keletihan, gunalah topeng muka dan sila dapatkan khidmat perubatan dengan segera.

## **6. PENGESANAN KES AKTIF (ACD)**

Bermula hari ini, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak akan melaksanakan Pengesanan Aktif Kes (*Active Case Detection*) di dua kawasan di Kota Samarahan iaitu Taman Desa Ilmu dan Taman Uni Garden.

Matlamat aktiviti ini adalah untuk pencegahan dan kawalan termasuk pengesanan kes secara aktif, pengesanan kontak rapat kepada kes positif, dan menjalankan saringan ujian COVID-19. Kawasan ini dipilih kerana, dalam tempoh 14 hari yang lepas terdapat **20 kes** telah dilaporkan dan melibatkan 2 kematian. Ini menunjukkan bahawa virus ini masih menular dalam kawasan tersebut. Maka strategi yang lebih agresif perlu diambil untuk memutuskan rantaian dan penularan virus secara lebih berkesan.

Operasi bersepadu ini melibatkan seramai 5,300 buah rumah di dua kawasan tersebut dengan diketuai oleh Residen Samarahan dan dianggotai oleh 120 petugas dari PDRM, KKM, APM dan RELA.

**(STAY AT HOME, STOP THE SPREAD AND SAVE LIFE)**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**27 APRIL 2020**

**3.00 PETANG**

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

### **1. PEMATUHAN PKP**

Berikut adalah kes Tangkapan Harian mengikut Daerah (sehingga 27.04.2020 @ 8.00 pagi).

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH ORANG</b>
1	Kuching	27
2	Miri	23
3	Padawan	4
4	Sibu	1
5	Padawan	1
6	Sarikei	1
7	Bau	1
8	Lundu	1
9	Sarawak	1
10	Simunjan	1
11	Mukah	1
12	Kapit	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>63</b>

### **2. MAKLUMAT SURVEILLANCE CENTER DI HOTEL**

(Data sehingga 27.04.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>HOTEL</b>	<b>BILANGAN PUS</b>
1	Kuching (519)	Hock Lee	0
2		Rajah Court Dormani	0
3		Kuching Park	0
4		Pullman	254

5		Hilton	265
6	Miri (518)	Mega	64
7		Somerset	33
8		Ostay Inn	10
9		Cosy Inn	11
10		Imperial Palace	0
11		Eastwood Resort	45
12		Imperial	124
13		Kingwood	26
14		Paragon	88
15	Bintulu (20)	Meritz	100
16		Miri Hotel	17
17	Limbang (95)	Wasan Inn	13
18		Park City Everly	7
19	Sibu (8)	Purnama	61
20		Seri Malaysia (Lawas)	34
21		Diocesen Pastoral	8
<b>Jumlah PUS</b>			<b>1,160</b>

### **3. OPERASI NYAHCEMAR**

Pada hari ini, sebanyak **2 lokasi operasi nyahcemar** telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif lokasi di Bahagian di Sarawak adalah **374 lokasi** seperti berikut:

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	Kuching	126
2	Miri	79

3	Bintulu	35
4	Limbang	30
5	Sarikei	25
6	Samarahan	24
7	Kapit	16
8	Sri Aman	14
9	Sibu	13
10	Betong	9
11	Serian	3
<b>Jumlah</b>		<b>374</b>

Selain daripada itu juga Unit Kesihatan Awam dari PBT telah melaksanakan program nyahcemar di **57 lokasi** oleh 8 PBT yang menjadi tumpuan orang ramai seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>PBT</b>	<b>LOKASI</b>
1	DBKU	7
2	MP Padawan	2
3	MP Kota Samarahan	1
4	MD Lundu	6
5	MD Serian	3
6	MD Bau	2
7	MD Sri Aman	2
8	MD Saratok	4
9	MP Sibu	10
10	BDA	5
11	MD Kapit	1

12	MB Miri	14
	<b>Jumlah</b>	<b>57</b>